


# KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

## Maksud Bekalan/Pembangunan 22



| Mengurus<br>RM | Pembangunan<br>RM   | Jumlah<br>RM   |
|----------------|---|----------------|
| 5,379,900,000  | Cara Langsung<br>5,043,727,600      Pinjaman<br>407,529,700 | 10,831,157,300 |

### OBJEKTIF

Melaksanakan program-program pembangunan di luar bandar supaya dapat diwujudkan satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan menerusi masyarakat yang progresif, berilmu dan berkemahiran dalam pelbagai bidang.

### PELANGGAN

- (i) Penduduk luar bandar;
- (ii) Penduduk Lembaga Kemajuan Tanah (LKT);
- (iii) Penduduk Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW);
- (iv) Penduduk Orang Asli; dan
- (v) Pelajar dan belia.

## **STRATEGI**

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan terus berusaha meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar melalui pendekatan dan hala cara baharu yang merangkumi :

- (i) Pembangunan insan melalui pembinaan semangat usahawan;
- (ii) Memajukan industri hiliran di luar bandar dan urbanisasi luar bandar melalui pewujudan pusat-pusat pertumbuhan desa;
- (iii) Menyediakan kemudahan prasarana dan kemudahan asas yang lebih sempurna serta meningkatkan aktiviti sosioekonomi;
- (iv) Memodenkan sektor pertanian di luar bandar melalui penyediaan prasarana dan pemodenan pengurusan; dan
- (v) Membangunkan sumber manusia yang berkemahiran bagi membolehkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti bermilai tinggi dan berteraskan pengetahuan (*knowledge based*).

## **PROGRAM 1 : IBU PEJABAT**

***Objektif*** – Meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat di kawasan luar bandar melalui penyediaan kemudahan asas dan galakan penyertaan dalam kegiatan sosioekonomi luar bandar.

### **Aktiviti 1 : Pentadbiran dan Pengurusan Aset**

***Objektif*** – Memberi khidmat sokongan kepada anggota pentadbiran dan pengurusan, bahagian serta jabatan dan agensi-agensi di bawah kementerian dalam urusan-urusan berkaitan pentadbiran am dan logistik, Parlimen, khidmat keurusetiaan, kualiti dan inovasi, pengurusan aset, pengurusan keselamatan dan pengurusan rekod, ruang pejabat baharu, naziran, aduan pelanggan, perhubungan awam, audit dan nasihat undang-undang.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Mesyuarat Pengurusan dan Pasca Kabinet             | 33                | 40                 | 40                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Inovasi | 3                 | 5                  | 5                  |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan    | 4                 | 4                  | 4                  |
| Bil. program/majlis KKLW                                | 7                 | 6                  | 6                  |
| Bil. aktiviti/program yang diaudit                      | 41                | 28                 | 28                 |

### **Aktiviti 2 : Perancangan Strategik**

***Objektif*** – Menyediakan rangka dasar dan strategik makro bagi pembangunan luar bandar dan memastikan segala perancangan dan pelaksanaan program dan projek pembangunan luar bandar yang dilaksanakan oleh semua bahagian/jabatan/agensi di bawah KKLW mengikut matlamat dan dasar yang ditetapkan.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. penyediaan kertas Jemaah Menteri, kertas kelulusan YB Menteri dan kertas-kertas dasar                                    | 124               | 128                | 128                |
| Bil. pengumpulan dan penyediaan pangkalan data yang lengkap untuk perancangan serta penilaian program/projek pembangunan KKLW | 12                | 12                 | 12                 |
| Bil. jadual pemantauan/pengumpulan kemas kini maklumat pelaksanaan pelan perancangan strategik                                | 4                 | 8                  | 8                  |
| Bil. penyertaan/penganjuran sidang antarabangsa   | 31                | 11                 | 11                 |
| Bil. penyediaan, penyelarasan dan urusan urus setia mesyuarat utama peringkat kementerian dan kebangsaan                      | 4                 | 20                 | 8                  |

### Aktiviti 3 : Pengurusan Sumber Manusia

**Objektif** – Merancang dan melaksanakan fungsi pengurusan sumber manusia KKLW dari segi keperluan sumber manusia, pembangunan organisasi, pengurusan perkhidmatan personel, pembangunan sumber manusia dan prestasi, kompetensi serta psikologi personel.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. perancangan keperluan sumber manusia kementerian (pengukuhan/kemas kini senarai/perakuan) | 70                | 70                 | 70                 |
| Bil. perakuan pengesahan pelantikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)                 | 29                | 50                 | 50                 |
| Bil. kursus/latihan yang dianjurkan  | 65                | 65                 | 60                 |
| Bil. laporan prestasi dan panel pergerakan gaji  | 1,053             | 1,090              | 1,100              |
| Bil. kompetensi dan peperiksaan  | 2                 | 2                  | 2                  |

### Aktiviti 4 : Kewangan

**Objektif** – (a) Merancang, mengurus dan mengawal sumber-sumber kewangan KKLW dengan cekap dan teratur selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan lain-lain peraturan kewangan yang berkaitan; dan (b) Memberi khidmat sokongan kepada semua bahagian di kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan dengan urusan kewangan, belanjawan dan akaun.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. pengeluaran baucar pembayaran                               | 14,286            | 14,500             | 15,000             |
| Bil. penyediaan penyata penyesuaian bagi akaun                   | 7,813             | 8,645              | 8,645              |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) | 4                 | 4                  | 4                  |
| Bil. waran perjalanan udara                                      | 2,326             | 2,500              | 2,500              |
| Bil. rekupmen panjar wang runcit                                 | 18                | 24                 | 24                 |

## Aktiviti 5 : Pengurusan Maklumat

**Objektif** – (a) Membangun dan mengurus selia pengurusan dan teknologi maklumat yang berkesan sebagai input kepada pihak pengurusan dalam menggubal dasar dan mengatur strategi ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan sosioekonomi penduduk luar bandar; dan (b) Menilai dan melaporkan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan KKLW dan agensi-agensi di bawahnya.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) | 5                 | 4                  | 4                  |
| Bil. pembangunan sistem                         | 4                 | 3                  | 2                  |
| Bil. penyelenggaraan sistem                     | 28                | 31                 | 34                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web           | 2                 | 2                  | 3                  |
| Bil. penyelenggaraan rangkaian dan keselamatan  | 2                 | 2                  | 2                  |

## Aktiviti 6 : Institut Kemajuan Desa (INFRA)

**Objektif** – Menyedia dan melaksana program latihan dan penyelidikan yang berkaitan dengan pengurusan pembangunan luar bandar kepada pemimpin peringkat akar umbi, petugas agensi awam, aktivis sosial dan anggota Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. program latihan                           | 127               | 196                | 210                |
| Bil. penyelidikan/kajian                       | 2                 | -                  | 1                  |
| Bil. mesyuarat                                 | 40                | 50                 | 50                 |
| Bil. penginapan peserta kursus di asrama INFRA | 3,500             | 4,500              | 4,500              |

## Aktiviti 7 : Kesejahteraan Rakyat

**Objektif** – (a) Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program/projek-projek peringkat nasional, zon dan negeri; (b) Mewujudkan serta melaksanakan projek-projek di bawah program yang dapat menjana pendapatan kumpulan sasar; dan (c) Menyediakan peluang-peluang memperoleh kemudahan asas, latihan serta memupuk semangat dan sikap berdikari di kalangan keluarga kumpulan sasar.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. peserta Program Peningkatan Pendapatan (PPP)         | 3,226             | 3,000              | 3,400              |
| Bil. peserta Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) | 5,240             | 3,529              | 4,118              |
| Bil. peserta Program Bantuan Rumah (PBR)                  | 8,995             | 9,500              | 23,217             |
| Bil. peserta Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)       | 10,258            | 6,666              | 6,666              |
| Bil. peserta Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)       | 25,839            | 10,000             | 20,000             |

## Aktiviti 8 : Pengupayaan Ekonomi

**Objektif** – (a) Menyediakan ruang dan peluang kepada masyarakat luar bandar untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi melalui program pembangunan perniagaan; (b) Pembangunan ekonomi komuniti melalui kerjasama erat dengan pihak koperasi bagi mewujudkan sebuah komuniti yang sejahtera dan berdaya maju; (c) Menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan kepada usahawan bumiputera untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang dapat bersaing di pasaran tempatan dan global; (d) Meningkatkan usaha pembangunan produk perkhidmatan dan memperkenalkan teknologi dan inovasi baharu untuk diaplikasikan oleh masyarakat luar bandar; (e) Program meningkatkan akses kepada pasaran dan meluaskan pemasaran bagi meningkatkan kebolehcapaian produk usahawan luar bandar ke bandar; dan (f) Meneroka peluang-peluang rantaian perniagaan dan penyediaan logistik/pusat pengedaran melalui program pakatan strategik dan jaringan perniagaan dengan agensi kerajaan dan swasta.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. usahawan yang terlibat dalam aktiviti promosi dan pemasaran        | 748               | 800                | 800                |
| Bil. usahawan yang menerima bantuan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) | 181               | 300                | 300                |
| Bil. pemenang <i>Rural Business Challenge</i> (RBC)                     | 23                | 20                 | 20                 |
| Bil. kampung yang terlibat dalam Program Desa Lestari                   | 29                | 15                 | 20                 |

## Aktiviti 9 : Kemajuan Tanah dan Wilayah

**Objektif** – (a) Menjadikan agensi Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) sebagai agensi pembangunan tanah, pertanian dan pekebun kecil yang terbaik; (b) Mewujudkan pembangunan wilayah dan kawasan yang seimbang dengan penglibatan agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dan agensi pelaksana di bawah KKLW; dan (c) Menjadikan kawasan LKW yang dibubarkan tetap membangun dan berdaya maju.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Mesyuarat Akaun Amanah LKW, KKLW  | 2                 | 2                  | 2                  |
| Bil. penyediaan Nota/Memorandum Jemaah Menteri, laporan tahunan dan penyata kewangan LKT dan LKW | 10                | 10                 | 10                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil (JKMPPK)                       | 1                 | 2                  | 2                  |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kerjasama FELDA, FELCRA Berhad dan RISDA                     | 1                 | 2                  | 2                  |

## Aktiviti 10 : Pelaburan dan Anak Syarikat

**Objektif** – (a) Memastikan syarikat berdaya maju dan berdaya saing dengan pengurusan yang telus, cekap dan berkemahiran serta kedudukan kewangan yang kukuh; (b) Memastikan pelaburan dan aktiviti syarikat yang memberi faedah yang optimum kepada kumpulan sasar dan pulangan yang munasabah kepada agensi; (c) Memastikan syarikat mematuhi dasar dan peraturan semasa yang berkuat kuasa; (d) Menyelaras peruntukan serta memantau prestasi program/projek di bawah sektor utama Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu usahawan,

pendidikan, korporat/subsidiari dan multi sektor; (e) Menyemak dan memperakukan perancangan program/projek MARA termasuk bajet pembangunan dan operasi; (f) Memantau dan menilai pelaksanaan program/aktiviti MARA; (g) Memberi maklum balas terhadap permasalahan/isu yang dihadapi MARA; (h) Menguruskan Bantuan Pendidikan KKLW; dan (i) Membantu gerakan koperasi luar bandar bertindak sebagai alat pembentukan masyarakat luar bandar yang berdikari dan berdaya saing.

| <b>Output</b>  | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|--|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|  | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. pemantauan prestasi kewangan dan fizikal berdasarkan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) syarikat dan kilang sawit milik agensi                | 63                              | 71                               | 71                               |
| Bil. penyelarasan dan pemantauan/lawatan program/projek di bawah MARA  | 12                              | 12                               | 12                               |
| Bil. penyediaan kertas kerja dan memo untuk kelulusan YB Menteri berkaitan anak syarikat   | 31                              | 35                               | 35                               |
| Bil. permohonan/kelulusan bantuan pendidikan KKLW  | 1,040                           | 500                              | 500                              |
| Bil. seminar/bengkel/ <i>Executive Talk</i> kepimpinan/pengurusan kepada Ahli Lembaga Pengarah/CEO/Pengarah Urusan syarikat-syarikat milik agensi KKLW | 7                               | 5                                | 6                                |

### Aktiviti 11 : Infrastruktur

**Objektif** – Memastikan prestasi kewangan dan fizikal projek pembangunan KKLW mengikut jadual dan peraturan yang ditetapkan serta memastikan sebarang isu pelaksanaan projek diselesaikan dengan berkesan.

| <b>Output</b>   | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|---|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|   | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Jum. Jalan Perhubungan Desa (JPD) (km)                          | 618                             | 635.83                           | 396                              |
| Jum. Jalan Luar Bandar (JALB) (km)                              | 150.17                          | 250                              | 250                              |
| Bil. Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di rumah                    | 8,195                           | 7,500                            | 3,217                            |
| Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)/Lampu Jalan Kampung (LJK) : |                                 |                                  |                                  |
| (i) Bil. rumah yang menerima BELB                               | 19,811                          | 16,295                           | 9,875                            |
| Program Ameniti Sosial (PAMS) :                                 |                                 |                                  |                                  |
| (i) Bil. Kompleks Komuniti Desa/Dewan                           | 596                             | 500                              | 600                              |

### Aktiviti 12 : Perolehan

**Objektif** – (a) Memastikan segala perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan KKLW yang cekap, menguntungkan Kerajaan serta telus dengan Arahan Perbendaharaan dan lain-lain peraturan kewangan yang berkaitan bagi mendapatkan faedah kewangan yang terbaik; dan (b) Memberikan segala khidmat sokongan kepada semua bahagian di kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya berkaitan dengan urusan perolehan.

| Output                                    | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Mesyuarat Pasukan Petugas ePerolehan | 4                 | 3                  | 2                  |
| Bil. Mesyuarat Lembaga Tender :           |                   |                    |                    |
| (i) Tender A                              | 21                | 12                 | 12                 |
| (ii) Tender B                             | 22                | 12                 | 12                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit  | 5                 | 6                  | 6                  |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga   | 6                 | 12                 | 12                 |
| Bil. pesanan tempatan                     | 3,030             | 2,500              | 2,500              |

### Aktiviti 13 : Pengupayaan Komuniti dan Infodesa

**Objektif** – (a) Bertindak sebagai pemangkin pembangunan masyarakat di luar bandar; (b) Merapatkan jurang digital masyarakat luar bandar; (c) Meningkatkan kecekapan dan keberkesan pengurusan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP); dan (d) Mengarusperdanakan gender dan golongan minoriti.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. siri latihan di Pusat Transformasi Luar Bandar (Mini RTC)                  | 1,443             | 2,000              | 2,500              |
| Bil. JKKK dan JKKKP   | 15,886            | 15,895             | 16,798             |
| Bil. kampung berdaftar terlibat dalam Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) | 1,736             | 1,910              | 2,101              |

### Aktiviti 14 : Pembangunan dan Pemantauan Projek

**Objektif** – (a) Membantu melaksana dan memastikan projek pembangunan di luar bandar mengikut perancangan peraturan yang telah ditetapkan; (b) Mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan projek pembangunan dan mencadangkan cara mengatasinya; (c) Memastikan prestasi kewangan dan fizikal projek-projek pembangunan KKLW mengikut perancangan yang telah ditentukan; (d) Memastikan setiap aduan/laporan diambil tindakan susulan berdasarkan tempoh yang ditetapkan; dan (e) Membuat penilaian *outcome* projek berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)  | 10                | 12                 | 12                 |
| Bil. mesyuarat pemantauan dengan bahagian/jabatan/ agensi (JBTF)   | 12                | 12                 | 12                 |
| Bil. laporan pemantauan projek oleh Pejabat Cawangan Negeri (PCN)  | 821               | 1,000              | 1,000              |
| Bil. laporan penilaian <i>outcome</i> projek pembangunan kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri | 20                | 27                 | 30                 |
| Bil. laporan prestasi pelaksanaan projek pembangunan kepada agensi pusat   | 48                | 48                 | 48                 |

## Aktiviti 15 : Teknikal

**Objektif** – Memberi khidmat sokongan teknikal kepada bahagian-bahagian di KKLW, jabatan dan agensi-agensi di bawahnya dalam urusan-urusan yang berkaitan dengannya bagi memastikan projek-projek di bawah program KKLW dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut jadual, spesifikasi, dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. mesyuarat teknikal   | 78                | 150                | 150                |
| Bil. lawatan tapak  | 45                | 50                 | 50                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP)           | 41                | 30                 | 30                 |
| Bil. bayaran kemajuan kontraktor dan perunding yang diperakukan | 954               | 600                | 600                |
| Bil. urusan pentadbiran kontrak                                 | 224               | 800                | 800                |

## PROGRAM 2 : KEMAS

**Objektif** – Membangunkan sumber manusia ke tahap cemerlang dan membantu KKLW merealisasikan wawasannya untuk mewujudkan kawasan luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan.

### Aktiviti 1 : Sumber Manusia dan Pentadbiran

**Objektif** – Menghasilkan anggota yang berkualiti, kompeten dan berintegriti melalui perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara cekap dan berkesan.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. mesyuarat jabatan                         | 62                | 70                 | 70                 |
| Bil. perakuan pengesahan pelantikan kepada SPA | 8                 | 10                 | 10                 |
| Bil. kursus/latihan yang dianjurkan            | 5                 | 15                 | 15                 |
| Bil. urusan kenaikan pergerakan gaji           | 17,372            | 18,750             | 19,250             |
| Bil. penyediaan laporan penilaian prestasi     | 17,372            | 18,750             | 19,250             |

### Aktiviti 2 : Kewangan dan Perolehan

**Objektif** – Memastikan perancangan, pengurusan dan kawalan sumber kewangan dan aset jabatan adalah cekap, mengikut peraturan dan tatacara kewangan yang ditetapkan.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. pengeluaran waran peruntukan/pindah peruntukan              | 1,409             | 1,020              | 1,025              |
| Bil. urusan tender/sebut harga/pembelian terus                   | 65                | 70                 | 75                 |
| Bil. baucar bayaran invois/bil/tuntutan siap diproses            | 3,233             | 4,800              | 4,900              |
| Bil. naziran kewangan ke negeri-negeri (PTJ)                     | 8                 | 5                  | 10                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) | 4                 | 4                  | 4                  |

### Aktiviti 3 : Pembangunan Komuniti

**Objektif** – (a) Mempertingkatkan keupayaan kepimpinan masyarakat desa ke arah perubahan minda masyarakat dan pembangunan yang lebih pesat di kawasan luar bandar; dan (b) Meningkatkan pengetahuan agama agar masyarakat luar bandar mempunyai nilai-nilai murni berakhhlak mulia serta dapat memperkuuhkan institusi kekeluargaan.

| <b>Output</b>   | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|---|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|   | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. kampung diiktiraf Kampung GDW                        | 4,097                           | 4,097                            | 4,097                            |
| Bil. kampung yang terlibat dalam Projek Keceriaan Kampung | 150                             | 100                              | 100                              |
| Bil. kelas pendidikan Agama Islam/bina insan              | 2,142                           | 2,245                            | 2,250                            |
| Bil. pengusaha yang menerima Bantuan Ekonomi Kampung      | 975                             | 50                               | 50                               |
| Bil. kampung yang melaksanakan Program Mesra Rakyat       | 350                             | 250                              | 250                              |

### Aktiviti 4 : Pendidikan Kemahiran

**Objektif** – Membentuk golongan remaja dan dewasa luar bandar agar mempunyai minda dan sikap positif serta meningkatkan kemahiran menerusi pendidikan tidak formal supaya berupaya menjalankan cara hidup yang berkualiti dalam aspek kesihatan, kehidupan berkeluarga, ekonomi dan kesedaran sivik.

| <b>Output</b>   | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|---|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|   | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. kelas/bengkel/siri kursus di bawah pendidikan kemahiran      | 1,362                           | 1,400                            | 1,500                            |
| Bil. kelas/bengkel/siri kursus di bawah Unit Literasi             | 582                             | 600                              | 600                              |
| Bil. kelas/siri kursus di bawah pendidikan kesejahteraan keluarga | 2,623                           | 2,800                            | 3,000                            |

### Aktiviti 5 : Pendidikan Awal Kanak-kanak

**Objektif** – (a) Menyuburkan potensi kanak-kanak Tabika dan Taska dalam aspek pertumbuhan dan perkembangan sosial, emosi, fizikal, intelek dan rohani secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu dan menyediakan keperluan dan kemudahan pendidikan awal kanak-kanak khususnya di luar bandar; dan (b) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pendidikan makanan dan kesihatan kanak-kanak, ibu bapa dan komuniti dalam amalan gaya hidup sihat.

| <b>Output</b>                                  | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|--|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|  | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. kanak-kanak tabika/taska yang dikelolakan | 223,000                         | 225,000                          | 225,000                          |
| Bil. penglibatan ibu bapa dalam kokurikulum    | 463,562                         | 470,000                          | 470,000                          |
| Bil. kelas pendidikan prasekolah               | 11,131                          | 11,300                           | 11,300                           |
| Bil. kanak-kanak disediakan makanan tambahan   | 223,000                         | 225,000                          | 225,000                          |
| Bil. kelas tabika/taska baharu                 | 150                             | 124                              | -                                |

## Aktiviti 6 : Latihan dan Pembangunan Profesional

**Objektif** – Mempertingkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, profesionalisme dan pembentukan sikap personel KEMAS melalui pendekatan pembangunan keupayaan ke arah perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada masyarakat.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Pemaju Masyarakat yang dilatih mengikuti Diploma Perguruan Malaysia (prasekolah) Kursus Dalam Cuti (KDC) (kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia) | 1,337             | 1,007              | 607                |
| Bil. Pemaju Masyarakat yang mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan kerjasama UPSI  | 365               | 164                | 164                |
| Bil. Pemaju Masyarakat mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dengan kerjasama Kolej KETENGAH   | 96                | 96                 | 96                 |
| Bil. Pemaju Masyarakat mengikuti Sijil Perguruan Prasekolah dengan kerjasama Kolej Pendidikan Perdana (KOPEDA)   | 189               | 387                | 487                |
| Bil. pusat latihan yang diselenggarakan  | 6                 | 6                  | 5                  |

## Aktiviti 7 : Pembangunan

**Objektif** – Memantapkan perancangan program pembangunan projek fizikal dan sosial KEMAS dan meningkatkan kerja-kerja penyelarasan, pemantauan dan pengumpulan data/maklumat untuk memastikan kegiatan KEMAS mencapai matlamatnya.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Mesyuarat Pembangunan KEMAS                                     | 12                | 12                 | 12                 |
| Bil. penyediaan laporan prestasi perbelanjaan pembangunan            | 52                | 52                 | 52                 |
| Bil. pengemaskinian maklumat dalam Sistem Pemantauan Projek (SPP II) | 12                | 12                 | 12                 |
| Bil. penyediaan kertas kerja   | 5                 | 5                  | 5                  |
| Bil. kursus/bengkel  | 12                | 12                 | 6                  |

## Aktiviti 8 : Dasar dan Perancangan Strategik

**Objektif** – Meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat kepada masyarakat luar bandar dan membuat penilaian secara objektif tentang sikap dan pandangan mereka terhadap pelaksanaan dasar tersebut.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. pelaksanaan bengkel/kursus/forum                                       | 109               | 103                | 144                |
| Bil. mesyuarat Pengarah Perhubungan Awam dengan Pengarah KEMAS Negeri       | 12                | 8                  | 8                  |
| Bil. perjumpaan pemimpin (Perdana Menteri/TPM/Menteri) dengan anggota KEMAS | 4                 | 6                  | 8                  |

## Aktiviti 9 : Teknologi Maklumat

**Objektif** – Mewujudkan sistem maklumat KEMAS yang responsif kepada perkembangan teknologi maklumat dan membudayakan amalan ICT, serta memupuk sikap positif di kalangan anggota KEMAS dan masyarakat desa ke arah pembangunan teknologi maklumat.

| Output                                   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. pemantauan di cawangan KEMAS negeri | 12                | 6                  | 6                  |
| Bil. kursus dan latihan ICT              | 2                 | 5                  | 5                  |
| Bil. mesyuarat bahagian                  | 3                 | 4                  | 4                  |

## PROGRAM 3 : JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

**Objektif** – (a) Membasmi kemiskinan tegar masyarakat Orang Asli; (b) Meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli; (c) Meningkatkan tahap kesedaran minda masyarakat Orang Asli; dan (d) Mengurangkan jurang perbezaan pendapatan, pendidikan, kesihatan dan akses kepada kemudahan asas antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat umum di Malaysia.

### Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan

**Objektif** – Memberi khidmat sokongan kepada jabatan dari aspek pentadbiran, perakaunan dan kewangan, pembangunan sumber manusia serta teknologi maklumat dengan cekap dan berkesan.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. kursus/seminar  | 16                | 22                 | 24                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) | 4                 | 4                  | 4                  |
| Bil. pembayaran invoice/bil                                      | 5,863             | 6,000              | 6,200              |
| Bil. urusan waran peruntukan                                     | 923               | 950                | 1,000              |
| Bil. urusan pengesahan perkhidmatan                              | 4                 | 15                 | 10                 |

### Aktiviti 2 : Perancangan dan Penyelidikan

**Objektif** – Meningkatkan keberkesanan pembangunan masyarakat Orang Asli melalui penyelidikan yang berkesan dan berkualiti.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. pengumpulan hasil kajian   | 238               | 250                | 270                |
| Bil. Program Khidmat Masyarakat (CSR)   | 89                | 150                | 150                |
| Bil. persidangan dan bengkel  | 2                 | 3                  | 3                  |
| Bil. mesyuarat Jawatankuasa Dasar (JKD) / Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) yang dilaksanakan | 1                 | 2                  | 2                  |
| Bil. pameran yang diuruskan   | 2                 | 2                  | 2                  |

### Aktiviti 3 : Pembangunan Sosioekonomi

**Objektif** – Mengurus dan melaksanakan dengan cepat dan berkesan bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia setanding dengan masyarakat umum supaya mereka boleh berdaya saing dalam arus perdana.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. pelarasian dan penentuan pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) (unit)                                | 1,256             | 1,100              | 1,500              |
| Bil. perancangan dan pembangunan Projek Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)                                  | 16                | 17                 | 17                 |
| Bil. projek pelarasian dan pelaksanaan Projek Kemudahan Jalan Kampung dan Jalan Pertanian kepada Orang Asli | 61                | 73                 | 60                 |
| Bil. pelarasian dan penentuan pelaksanaan Projek Pembinaan Ruang Niaga                                      | 37                | 25                 | 45                 |
| Jum. pembangunan dan penyelenggaraan projek perladangan kepada Orang Asli (hektar)                          | 24,326            | 25,557             | 26,600             |

### Aktiviti 4 : Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Orang Asli

**Objektif** – Memberi bantuan pendidikan dan latihan kepada masyarakat Orang Asli supaya berilmu, berpengetahuan dan mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang yang bersesuaian agar dapat berdikari dan berdaya saing.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. pelajar yang menerima bantuan pendidikan | 44,773            | 47,287             | 49,595             |
| Bil. kursus kemahiran yang dikendalikan       | 30                | 30                 | 30                 |

### Aktiviti 5 : Negeri-negeri

**Objektif** – Mengurus dan melaksanakan dengan cekap dan berkesan peningkatan pendapatan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia melalui projek-projek serta program-program yang dilaksanakan.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. Pembantu Pemaju Masyarakat yang dilatih untuk kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) | 216               | 237                | 239                |
| Bil. penerimaan bimbingan usahawan   | 25                | 30                 | 45                 |
| Bil. pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR)   | 1,256             | 1,100              | 1,500              |
| Bil. projek Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)   | 16                | 17                 | 17                 |
| Bil. pelaksanaan Projek Kemudahan Jalan Kampung dan Jalan Pertanian                        | 61                | 73                 | 60                 |

## **PROGRAM 4 : LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)**

**Objektif** – Memperluaskan dan meningkatkan kualiti liputan prasarana asas dalam wilayah, menghapuskan kemiskinan tegar, meningkatkan bilangan penduduk dalam bidang keusahawanan, meningkatkan pendapatan isi rumah kepada RM2,000 sebulan, merapatkan jurang digital di antara penduduk bandar dan luar bandar, melahirkan dan meningkatkan institusi sosial yang berkeupayaan dan berkesan, meningkatkan penggunaan tanah secara optimum dengan tanaman berpacuan pasaran dan menjadikan kawasan KETENGAH sebagai kawasan yang menarik dikunjungi terutama di Tasik Kenyir.

**Aktiviti** – Terdapat 12 Aktiviti di bawah Program KETENGAH iaitu Khidmat Pengurusan, Kewangan dan Belanjawan, Perancangan Strategik, Pemantauan dan Penilaian, Pelancongan dan Pembangunan Tasik Kenyir, Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Tanah dan Kuasa Tempatan, Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Insan dan Pendidikan, Perumahan, Ekonomi dan Usahawan dan Perkhidmatan Teknik.

| <b>Output</b>                                     | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|---|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|   | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. latihan/kursus disediakan                    | 173                             | 75                               | 190                              |
| Bil. program pembangunan sosial dan institusi     | 35                              | 20                               | 35                               |
| Bil. projek baik pulih infrastruktur Tasik Kenyir | 16                              | 18                               | 20                               |
| Bil. projek ekonomi dan pembangunan usahawan      | 2                               | 6                                | 3                                |
| Bil. baik pulih kemudahan dan rangkaian suwa      | 8                               | 13                               | 37                               |

## **PROGRAM 5 : LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)**

**Objektif** – Menjadikan kawasan Kelantan Selatan sebagai kawasan yang maju dengan penduduk yang makmur, ekonomi yang produktif dan menguntungkan serta melahirkan masyarakat yang sejahtera dan berkualiti.

**Aktiviti** – Terdapat lapan (8) Aktiviti di bawah Program KESEDAR iaitu Kendalian Hartanah, Program Rancangan Kemajuan Tanah, Pembangunan Pelancongan, Pembangunan Kampung Tradisional, Peningkatan Pendapatan di KESEDAR, Rancangan Pemulihan Tanah, Program Latihan serta Kemahiran KESEDAR dan Program Pembangunan Modal Insan.

| <b>Output</b>   | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|---|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|   | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. peserta latihan kemahiran                                    | 140                             | 246                              | 216                              |
| Bil. projek kemudahan asas/awam                                   | 39                              | 41                               | 55                               |
| Bil. projek jalan kampung/Pertanian (kuantiti/km)                 | 49/56.5                         | 31/34.2                          | 56/66.5                          |
| Jum.Pembangunan & Penyelenggaraan Ladang Tanam<br>Semula (hektar) | 3,992                           | 4,300                            | 11,430                           |
| Bil. peserta menerima bantuan Program PPP                         | 40                              | 100                              | 100                              |

## **PROGRAM 6 : PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)**

**Objektif** – (a) Membentuk masyarakat pekebun kecil yang progresif dan sejahtera melalui aktiviti perladangan dan komersial; dan (b) Pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan menjelang akhir tahun 2016.

**Aktiviti** – Terdapat tiga (3) Aktiviti di bawah Program RISDA iaitu mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), mengurus dan mengendalikan rancangan-rancangan penanaman semula dan merancang dan melaksana pembaharuan dalam sektor pekebun kecil. RISDA telah mengenal pasti enam (6) Bidang Keberhasilan Utama (KRA) iaitu: (i) Meningkatkan kecapaian tanam semula di peringkat pembangunan ladang; (ii) Meningkatkan produktiviti kebun getah dan sawit pekebun kecil; (iii) Meningkatkan perolehan harga komoditi di peringkat ladang (*Farmgate Price*); (iv) Meningkatkan modal insan pekebun kecil melalui aktiviti bimbingan dan latihan; (v) Meningkatkan bilangan usahawan di kalangan pekebun kecil; dan (vi) Meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

| <b>Output</b>   | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|---|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|   | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. pekebun kecil yang mendapat latihan formal teknikal                | 8,040                           | 6,480                            | 6,480                            |
| Bil. pekebun kecil yang mendapat latihan formal :                       |                                 |                                  |                                  |
| (i) Kemahiran   | 302                             | 300                              | 300                              |
| (ii) Keusahawanan   | 273                             | 360                              | 360                              |
| Jum. kluasan kebun menyertai tanam semula (hektar)                      | 162,298                         | 171,937                          | 162,923                          |
| Jum. kluasan kebun bagi Program Peningkatan Produktiviti Getah (hektar) | 10,000                          | 9,400                            | 10,000                           |
| Bil. pekebun kecil sebagai Pemaju Masyarakat RISDA                      | 504                             | 513                              | 513                              |

## **PROGRAM 7 : LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**

**Objektif** – Meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk dalam kawasan KEDA dengan memberi tumpuan kepada penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar negeri Kedah supaya dapat melibatkan diri secara aktif dalam program pembangunan Kerajaan ke arah menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan.

**Aktiviti** – Terdapat dua (2) Aktiviti di bawah Program KEDA iaitu Perkhidmatan Pengurusan dan Perkhidmatan Pelaksanaan.

| <b>Output</b>                           | <b>PRESTASI AKTIVITI</b>        |                                  |                                  |
|---|---------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|
|   | <b>2014</b><br><b>(Sebenar)</b> | <b>2015</b><br><b>(Anggaran)</b> | <b>2016</b><br><b>(Anggaran)</b> |
| Bil. kursus latihan vokasional          | 9                               | 9                                | 9                                |
| Bil. penyediaan rumah penduduk miskin   | 410                             | 400                              | 450                              |
| Bil. pengurusan tanaman ladang          | 130                             | 130                              | 130                              |
| Bil. projek ekonomi rakyat miskin tegar | 258                             | 469                              | 300                              |
| Bil. projek pembangunan usahawan wanita | 4                               | 6                                | 8                                |

## **PROGRAM 8 : LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)**

**Objektif** – (a) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Wilayah Johor Tenggara; (b) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perusahaan dan perdagangan dalam Wilayah Johor Tenggara; dan (c) Mengawal dan menyelaras pelaksanaan kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas.

**Aktiviti** – Terdapat tujuh (7) Aktiviti di bawah Program KEJORA iaitu Pembangunan Bandar, Pembangunan Ekonomi Penduduk, Pembangunan Kampung Tradisional, Pembangunan Pertanian, Pembangunan Pelancongan, Pembangunan ICT dan Pembangunan Modal Insan.

| Output   | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|--|-------------------|--------------------|--------------------|
|  | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. mesyuarat pengurusan                          | 21                | 24                 | 24                 |
| Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset KEJORA | 4                 | 4                  | 4                  |
| Bil. Hari Bersama Pelanggan                        | 12                | 12                 | 12                 |
| Bil. penerbitan Buletin KEJORA                     | 4                 | 4                  | 4                  |
| Bil. mesyuarat jawatankuasa pemantauan             | 12                | 12                 | 12                 |

## **PROGRAM 9 : MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**

**Objektif** – (a) Membangunkan usahawan berjaya dan inovatif; (b) Melahirkan modal insan global dan berintegriti; (c) Menyumbang kepada pemilikan ekuiti; dan (d) Memudahkan sistem penyampaian.

**Aktiviti** – Terdapat lapan (8) Aktiviti di bawah MARA iaitu Pembangunan Usahawan, Penganjuran Pelajaran, Pendidikan Menengah, Kemahiran dan Teknikal, Pendidikan Tinggi, GIATMARA, Perkhidmatan dan Pelaburan.

| Output  | PRESTASI AKTIVITI |                    |                    |
|---|-------------------|--------------------|--------------------|
|   | 2014<br>(Sebenar) | 2015<br>(Anggaran) | 2016<br>(Anggaran) |
| Bil. usahawan baharu dibangunkan  | 57,344            | 30,000             | 30,000             |
| Bil. usahawan <i>Groom Big</i>  | 102               | 100                | 100                |
| Bil. pelajar pendidikan menengah berteraskan sains dan matematik                | 7,587             | 7,500              | 7,500              |
| Bil. pelajar berjaya ke universiti utama dunia                                  | 397               | 400                | 400                |
